

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1/3/2012

4M - 1/3/2012

## Dr. Mahathir gesa kerajaan sambung projek monorel di Putrajaya

PUTRAJAYA 29 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa kerajaan Pusat supaya menyambung semula projek pembinaan monorel di pusat pentadbiran Persekutuan di sini yang tertangguh sejak beberapa tahun lalu.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, projek pembinaan monorel penting dibina sekarang kerana keadaan jalan raya di sini sangat sesak ketika waktu puncak.

"Sebenarnya di Putrajaya sudah ada jambatan dan terowong untuk monorel yang dibina di bawah Dataran Boulevard dahulu, cuma apa yang perlu dilaksanakan sekarang ialah melakukan sedikit kerja-kerja menyiapkan projek itu.

"Ia (projek monorel) tidak semestinya dibuat di bawah tanah tetapi kerja-kerja itu juga boleh dilakukan di atas tetapi perlu dibuat dengan cantik. Saya tak rasa kosnya sangat mahal jika kerajaan sanggup mengeluarkan sedikit perbelanjaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Reka Bentuk Seni Bina Putrajaya Holdings di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Datuk Azlan Abdul Karim.



DR. Mahathir Mohamad melihat sebahagian dari reka bentuk Putrajaya yang direka oleh pelajar-pelajar UiTM di Majlis Penyampaian Pertandingan Reka Bentuk Seni Bina Putrajaya Holdings di Putrajaya, semalam.

Terdahulu Dr. Mahathir menyampaikan ucapan bertajuk Aspirasi Pembangunan Putrajaya kepada hampir 100 penuntut pengajian arkitek Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Pertandingan tersebut yang dilancarkan pada September tahun lepas mencari hasil reka bentuk yang menarik di kalangan generasi muda

dengan menerapkan elemen bandar hijau.

Menurut Dr. Mahathir, untuk merealisasikan projek monorel tersebut kerajaan boleh bekerjasama dengan pihak swasta untuk membina dan menguruskannya.

"Kerajaan perlu belanja sedikit wang dan menganggapnya sebagai satu sumbangan sebab kalau minta

pihak swasta buat semuanya tidak akan mendatangkan keuntungan kepada mereka.

"Kerajaan boleh misalnya menyediakan infrastruktur dan kemudian minta pihak swasta uruskan," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya Dr. Mahathir turut menyentuh mengenai pembangunan di Putrajaya.

Beliau menyifatkan pusat pentadbiran kerajaan itu seperti tidak bermaya selepas kakitangan kerajaan selesai bertugas.

Diminta mengulas ucapannya itu, beliau berkata, kerajaan harus membina lebih banyak pusat komersial untuk menghidupkan Putrajaya dan menarik kedatangan lebih ramai pelancong dalam dan luar negara.

"Selepas pukul 5 petang keadaan di Dataran Boulevard seolah-olah mati, padahal di situ meriah dengan sinaran lampu, sayangnya tiada orang pada waktu malam.

"Boulevard seharusnya dibina pusat komersial seperti kedai makan, kedai menjual barangan dan kopitiam di mana orang ramai boleh minum-minum dan berjalan-jalan.

"Model yang mungkin boleh diikuti ialah pembangunan di Bukit Bintang di mana ia dipenuhi dengan pelbagai kedai menarik hingga menjadi tumpuan pelancong antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengusulkan cadangan supaya bangunan-bangunan kerajaan di Dataran Boulevard diubah suai di bahagian bawah bagi dijadikan kedai minuman berkonsepkan kopitiam.